

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN TERHADAP KAJIAN BERKAITAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Kajian-kajian khusus tentang penggunaan kamus dalam kelas-kelas bahasa Melayu (bahasa Malaysia) dan bahasa Inggeris belum banyak dilakukan oleh pengkaji bahasa. Apatah lagi kajian yang berupa perbandingan antara dua kelas bahasa yang berbeza itu. Tetapi kajian yang menyentuh bidang perkamusan, aspek-aspek penyusunan kamus dan cara-cara penggunaan kamus telah banyak dilakukan sama ada di Timur atau pun di Barat. Kajian tentang penggunaan kamus di kalangan mahasiswa dan orang awam juga banyak dilakukan. Oleh kerana kajian tentang penggunaan kamus dalam pengajian dan pembelajaran bahasa belum banyak dilakukan, dalam bab ini, penyelidik akan mengemukakan sorotan kajian-kajian lalu tentang bidang perkamusan, khususnya kajian yang menyentuh tentang penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah menengah. Walaupun

kajian ini difokuskan kepada penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah, hasil kajian di kalangan guru, mahasiswa dan orang awam juga disentuh sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penemuan daripada kajian itu bolehlah dijadikan dasar untuk kajian selanjutnya mengenai penggunaan kamus sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa, sama ada bahasa pertama (ibunda) atau bahasa asing (bahasa kedua).

Dalam menghuraikan sorotan terhadap kajian berkaitan, penyelidik membahagikan bab ini kepada lima subtopik seperti berikut:

- a. Kajian tentang penggunaan kamus dalam kelas bahasa pertama.
- b. Kajian tentang penggunaan kamus dalam kelas bahasa kedua.
- c. Kajian tentang sikap pelajar terhadap penggunaan kamus.
- d. Kajian tentang masalah pelajar dalam penggunaan kamus.
- e. Kajian tentang sikap guru bahasa terhadap penggunaan kamus.

## **2.2 Kajian Tentang Penggunaan Kamus Dalam Kelas Bahasa Pertama.**

Kelas bahasa pertama (B1) ialah tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda. Pelajar-pelajar di dalam kelas itu adalah penutur asli bahasa yang dipelajari itu. Dalam konteks ini, B1 yang dimaksudkan ialah bahasa Melayu.

Jika ditinjau dari segi kaedah pengajaran antara B1 dan B2, memang ada perbezaannya. Proses pengajaran dan pembelajaran B2, aspek yang ditekankan ialah pembinaan kebiasaan dan pengukuhan berbahasa supaya akan terhasil penutur bahasa yang berkesan. Tetapi bagi pelajar B1, proses pembelajarannya adalah merupakan satu proses pengukuhan dan pengayaan bahasa. Proses pembelajaran B1 lebih merupakan proses mental dan neurologi. Oleh itu bahan-bahan yang sesuai ialah bahan kesusastraan bermutu tinggi, bahan-bahan rujukan tentang bahasa dan pengetahuan am serta kamus (Azman Wan Chik, 1989 : 5-6). Dengan kata lain, kamus diperlukan dalam proses pembelajaran B1, untuk memperkayakan kosa kata, mengukuhkan kemahiran bahasa dan meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar-pelajar.

## 2.2.1 Penggunaan Kamus di Kalangan Mahasiswa

Ahli leksikografi, C.L.Barnhart telah membuat kajian tentang penggunaan kamus di kalangan 56,000 mahasiswa di Amerika Syarikat pada tahun 1955. Hasilnya didapati mereka menggunakan kamus terutamanya untuk mencari makna sesuatu kata. Maklumat tentang ejaan di tempat kedua. Diikuti oleh lafaz (sebutan), sinonim dan contoh pemakaian kata. Etimologi mendapat tempat yang paling rendah menurut keperluan mereka (dalam Ibrahim Ahmad, 1991: 18).

Kajian yang sama telah dilakukan di Malaysia oleh Ahmad Mohd. Yusuf dan rakan-rakannya. Beliau dapati sebahagian besar masyarakat kampus di Malaysia merujuk buku-buku pedoman bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), seperti **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia** atau **Kamus Dwibahasa** untuk mengatasi masalah bahasa yang mereka hadapi. Oleh itu, beliau mencadangkan, penyemakan semula dan pengemaskinian perlu dilakukan terhadap buku-buku tersebut ( Ahmad Mohd. Yusuf et. al., 1992 : 577).

Sebagai contoh, untuk mengatasi masalah ejaan, 14.2% daripada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) merujuk Daftar Ejaan dan 8.4% daripada mereka merujuk kamus. Tentang cara mengatasi masalah istilah pula, 7.5% daripada 1185 responden merujuk buku-buku istilah DBP dan 4.8% daripadanya merujuk kamus (Ahmad Mohd. Yusuf et. al., 1992 : 357- 367 ).

## 2.2.2 Penggunaan Kamus di Sekolah Menengah

Begitu juga halnya dengan penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Sebagai sumber pengetahuan, makna perkataan, ejaan, sebutan, sejarah dan penggunaan perkataan-perkataan, kepentingan sesebuah kamus itu memang tidak boleh dinafikan. Justeru kamus digunakan dengan lebih kerap dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah.

Hal ini sesuai dengan kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia ada dinyatakan bahawa kamus adalah antara bahan sumber yang utama dalam pembelajaran subjek ini. Bahan-bahan sumber lain ialah seperti akhbar, majalah dan bahan ilmu pengetahuan dan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan

pembelajaran, dan juga untuk bacaan luas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1987 : 10).

Mengikut Awang Sariyan, jika pelajar tidak dibimbing dan digalakkan menggunakan kamus, akan terbitlah berbagai-bagai bentuk kata yang menyimpang. Hal ini kerana salah satu fungsi kamus ialah sebagai pedoman ejaan baku dan meluaskan perbendaharaan kata pelajar. Oleh itu beliau mencadangkan agar guru bahasa Melayu mewajibkan pelajar membawa kamus setiap hari sebagai bahan sumber asas untuk mata pelajaran bahasa Melayu (Awang Sariyan, 1995 : 583).

Pada pemerhatian penyelidik, hampir semua pelajar dalam kelas bahasa pertama menggunakan kamus ekabahasa. Hal ini sesuai dengan saranan oleh Abdullah Hassan yang menyatakan bahawa kamus ekabahasa adalah penting dalam mempelajari sesuatu bahasa sebagai bahasa kandung. Adanya bahasa lain (B2) dalam sesebuah kamus menyebabkan kekeliruan. Tetapi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, harus ada baiknya digunakan kamus yang dapat memberikan maklumat di dalam bahasa pelajar itu (Abdullah Hassan, 1987 : 134).

Persoalan yang timbul, adakah pelajar-pelajar bahasa pertama di sekolah menengah gemar menggunakan kamus? Tidak seperti mahasiswa, mereka jarang menggunakan kamus. Dalam hal ini, Mohd Taib Osman ada menyuarakan pendapatnya :

“ Dalam perhatian saya terdapat suatu perkara yang amat menyedihkan dan mungkin inilah yang menyebabkan beberapa kesan buruk dalam mengajar Bahasa Melayu. Dalam pengajaran Bahasa Melayu hingga akhir-akhir ini boleh dikatakan tiada langsung menggunakan kamus. Murid-murid jarang sekali menggunakanannya dan kadang-kadang murid-murid tidak pernah langsung menggunakan kamus.”

( Mohd. Taib Osman, 1977: 140)

Fenomena yang sama berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah atas di Indonesia. Menurut A. Hakim Usman (1983 : 20), penggunaan kamus dalam pengajaran bahasa Indonesia belum mendapat perhatian wajar di sekolah-sekolah. Pada hal, peranan kamus sebagai media (bahan) pengajaran bahasa tidak hanya bermanfaat bagi pelajar untuk memperoleh pelbagai keterangan mengenai kosa kata, tetapi juga bermanfaat untuk mendorong pelajar-pelajar lebih produktif dalam perkaya kosa katanya melalui cara belajar pelajar aktif.

Tetapi syukurlah, kerana penggunaan kamus dalam kelas B.M di bawah KBSM menampakkan perkembangan yang positif. Penggunaan kamus ekabahasa lebih kerap digunakan. Tetapi tidak sekeral dalam kelas Bahasa Inggeris (B.I).

### **2.3                   Kajian Tentang Penggunaan Kamus Dalam Kelas Bahasa Kedua**

Kaedah terkini pengajaran B.I di sekolah-sekolah ialah kaedah situasi (*situational method*) dan kaedah kod-kognitif (*cognitive-code*). Kaedah ini lebih menekankan kemahiran berkomunikasi pelajar-pelajarnya (Asmah Hj. Omar, 1989 : 50).

Justeru itu faktor-faktor biologi, pendedahan, persekitaran dan sikap pelajar-pelajar adalah penentu kejayaan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa kedua (B2) ini. Dalam hal ini, pengkaji beranggapan bahawa penggunaan kamus adalah salah satu daripada pendedahan bahasa yang perlu diambil berat oleh pelajar-pelajar bahasa asing (bahasa Inggeris). Justeru, pada tanggapan umum pengkaji, pelajar-pelajar lebih kerap menggunakan kamus dalam kelas B.I, berbanding dengan kelas B.M.

Tiada siapa dapat menafikan bahawa kamus memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran B2. Kajian di kalangan pelajar-pelajar bahasa Inggeris asas di Beijing Normal University, didapati kemahiran menggunakan kamus adalah antara faktor meningkatnya pencapaian skor mereka dalam ujian-ujian yang dijalankan (Yongqi Gu dan Johnson, 1996 : 643).

### 2.3.1 Jenis Kamus Yang Sesuai Untuk Pelajar-pelajar Bahasa Kedua

Apabila mahu menggunakan kamus, kita mencapai apa saja jenis kamus yang ada di depan kita. Kadang kala kita bertanya, apakah jenis kamus B2 yang baik? Satu kajian telah dibuat oleh Doshi-Raveendran ke atas 38 orang mahasiswa di sebuah universiti tempatan. Dalam sesi ujian terjemahan, mereka diberi masa 2 jam untuk menterjemah 4 buah rencana bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka melakukan kesalahan dalam terjemahan tersebut. Oleh itu mereka menyalahkan kamus dwibahasa, kerana memberi maksud yang tidak tepat. Tetapi dapatan di akhir penyelidikan itu menunjukkan bahawa mereka tidak menggunakan teknik terjemahan yang betul. Walaupun kelihatan kamus dwibahasa boleh menyebabkan kesalahan dalam terjemahan, tetapi perkara itu boleh diatasi. Kamus dwibahasa masih

menjadi alat penting dalam terjemahan. Terpulang kepada pengguna untuk menyesuaikan kegunaan kamus tersebut dengan aktiviti yang dibuatnya. Doshi seterusnya menegaskan:

“The bilingual dictionary was effective in varying degrees. Nevertheless with available technologies like the computer and Cds, the bilingual dictionary can become an even more effective aid for language users”.

(Doshi-Raveendran, 1995 : 321)

Tetapi persoalan yang penting ialah apakah jenis kamus yang sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar B2. Dalam soal selidik yang pernah dibuat oleh Hartmann ke atas 449 responden, beliau dapati bukan sahaja pelajar bahasa asing di peringkat permulaan dan pertengahan bergantung pada kamus dwibahasa sahaja, tetapi guru bahasa sekolah menengah dan universiti semakin banyak menggunakan kamus dwibahasa daripada kamus ekabahasa B2 dan kamus ekabahasa yang lain ( Hartmann, 1988 : 48).

Beliau seterusnya berhujah, walaupun tiada siapa pun yang ragu-ragu tentang keperluan kamus dwibahasa untuk kegunaan terjemahan oleh manusia ataupun oleh komputer, tetapi ada yang menganggap kamus dwibahasa sebagai tidak begitu berguna dalam pembelajaran bahasa asing. Sentimen sedemikian tersirat dalam kerja yang berjaya bagi kamus bahasa pertama, iaitu kamus ekabahasa

yang disusun khususnya untuk bukan pelajar bahasa ibunda ( Hartmann, 1993 : 43). Dalam hal ini, Hartmann memetik pandangan ahli-ahli bahasa yang berpegang kuat kepada pendapat bahawa penggunaan kamus ekabahasa adalah lebih baik daripada penggunaan kamus dwibahasa dalam proses pembelajaran B2. Pendapat ini disokong dengan kewujudan kamus-kamus ekabahasa yang bagus di pasaran. Kamus-kamus ekabahasa itu pula banyak yang sesuai untuk kegunaan pelajar B2. Pendapat ini juga menjadi pegangan kuat guru-guru B.I di Malaysia pada tahun 1970-an. Hal ini kerana mereka menggunakan kaedah langsung (*direct method*) dalam pengajaran mereka. Mengikut kaedah ini, pelajar-pelajar mesti menggunakan B2 sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Penggunaan B1 tidak dibenarkan sama sekali.

Tetapi pendapat ini semakin lebur kini. Kajian-kajian mutakhir membuktikan bahawa kamus dwibahasa digunakan dengan meluasnya dalam kelas B2. Contohnya ialah hasil kajian Hartmann pada tahun 1988 di atas. Pendapat beliau itu disokong pula oleh Paul Bogaards. Bogaards berpendapat bahawa pelajar-pelajar menghadapi kesukaran untuk mencari makna (unit-unit leksikal) dalam kamus ekabahasa . Ini merupakan kelemahan utama kamus ekabahasa jika dibandingkan dengan kamus dwibahasa ( Bogaards, 1997 : 311).

2.3.2

### Masa Yang Sesuai Untuk Menggunakan Kamus

Persoalan lain yang timbul ialah bilakah masa yang sesuai untuk menggunakan kamus? Champeau de Lopez (1987:14) mencadangkan kamus hendaklah digunakan sebagai usaha terakhir, sebab masa itu lebih baik digunakan untuk memahami isi secara umum kerana kecekapan membaca ialah bagaimana mendapat maklumat sebanyak mungkin dalam masa yang sedikit. Keduanya, terlampau banyak menggunakan kamus akan menyebabkan fokus pembaca tertumpu kepada perkataan-perkataan sedangkan yang sepatutnya ialah memahami idea dan konsep-konsep. Apa yang perlu dilakukan ialah teruskan membaca sebab sesuatu makna boleh difahami daripada konteks.

2.3.3

### Kamus-kamus Elektronik

Dalam zaman teknologi maklumat, kita tidak dapat pisahkan daripada membincangkan penggunaan kamus elektronik dalam kelas-kelas bahasa. Kamus elektronik sesuai digunakan dalam kelas-kelas B.I di sekolah-sekolah bestari. Sebenarnya teknologi komputer dalam perkamusian bermula sejak abad ke 19, tetapi teknologi ini dimulakan secara intensif sejak 50 tahun kebelakangan ini. Pada tahun 1956, Kaedah Sistem GAT (*Georgetown*

*Automatic Translation System* ) dihasilkan oleh Universiti Georgetown USA. Kemudian pelbagai sistem data dihasilkan oleh syarikat-syarikat komputer di seluruh dunia. Antaranya ialah Sistem TAUM oleh Universiti Montreal. Sistem GETA di Perancis. ATLAS oleh Fujitsu di Jepun dan Sistem PIVOT oleh NEC Jepun pada tahun 1988 (Ibrahim Ahmad, 1990 : 787).

Antara kamus elektronik yang terawal ialah dua buah kamus elektronik diterbitkan di Kyoto University, Jepun, pada tahun 1981. Pada tahun yang sama, sebuah kamus berbahasa Hebrew “*on-line*” diterbitkan di Israel. Kamus itu bertajuk ***Hebrew-English Data Processing Dictionary*** ( Goethschalckx dan Rollins, 1982 : 51-75). Sejak itu, lebih banyak kamus elektronik diterbitkan di seluruh dunia. Justeru itu, penyelidik mencadangkan universiti-universiti tempatan juga berusaha menerbitkan kamus elektronik. Hal ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan sistem data yang ada, atau mencipta yang baru.

#### **2.4 Kajian Tentang Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Kamus.**

Pada tanggapan pengkaji, masih banyak pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang belum menguasai benar-benar bagaimana cara

menggunakan kamus dengan cara yang tepat untuk meningkat serta memperkaya kosa kata mereka. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak berminat menggunakan kamus di dalam kelas atau di pusat sumber. Hal ini perlu diberi perhatian oleh guru-guru bahasa dan pihak yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran pendidikan.

Masalah yang sama juga berlaku di Indonesia. Kamus dalam pengajaran bahasa Indonesia, belum mendapat perhatian yang wajar di sekolah-sekolah. Pada dasarnya ada dua sebab yang menyebabkan kamus masih belum mendapat perhatian yang wajar sebagai media pengajaran bahasa Indonesia di sekolah-sekolah iaitu kurangnya minat pelajar-pelajar menggunakan kamus dan kurangnya pengetahuan guru untuk menggunakan kamus dalam pengajaran bahasa. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan ( A. Hakim Usman, 1983 : 20).

Di negara-negara yang telah maju dalam bidang pengajaran bahasa, besar kecilnya jumlah kosa kata yang harus dikuasai oleh pelajar-pelajar pada satu tingkatan di sekolah mendapat perhatian khusus. Sikap ini berpengaruh terhadap dunia perkamusan sehingga kita dapat menjumpai kamus-kamus yang khusus dibuat untuk meningkatkan penguasaan bahasa tertentu.

Selain daripada kurang minat dan kurang pengetahuan tentang penggunaan kamus, faktor pelajar tidak mempunyai kamus, harga kamus mahal dan kurangnya bilangan kamus di pusat sumber juga perlu diambil kira. Ramai juga pelajar yang beranggapan penggunaan kamus sebagai bahan menggunakan banyak masa. Untuk menarik minat pelajar menggunakannya, kamus di pusat sumber hendaklah lengkap dan pelbagai jenis pula (Mohd Noor Awang, 1988 : 85).

Kamus jenis apakah yang diminati oleh pelajar-pelajar? Pelajar B2 lebih berminat untuk mendapatkan kamus yang memberikan maksud yang jelas dan yang lengkap tentang kata biasa. Pelajar B1 sebaliknya mencari pengolahan yang memuaskan bagi kata-kata yang jarang ditemui yang entrinya biasanya tidak diberi kata majmuk dan gabungan idiomatik (Hartmann, 1993 : 143).

Kumpulan pelajar B2 peringkat permulaan dan pertengahan lebih memerlukan kamus dwibahasa daripada mereka yang sudah cekap (yang cekap memerlukan kamus ekabahasa). Tetapi mereka kerapkali berasa tidak puas hati dengan maklumat yang terdapat di dalamnya. Oleh itu esei mereka, karangan mereka dan terjemahan mereka mendedahkan kekurangan kamus-kamus sedemikian, yakni kamus yang lengkap (Hartmann, 1993 : 49). Perasaan tidak puas hati ini timbul apabila mereka menggunakan kamus-kamus yang tidak lengkap.

Banyak kata dasar yang dicari tidak ditemui. Setiap kata entri pula tidak diberi maksud dan keterangan yang jelas dan lengkap. Justeru itu, kamus yang sesuai untuk pelajar B1 dan B2 hendaklah disediakan dengan selengkapnya di pusat sumber sekolah. Kamus itu pula hendaklah pelbagai jenis dan bentuk yang boleh menarik minat pelajar-pelajar.

## **2.5 Kajian Tentang Masalah Pelajar Dalam Penggunaan Kamus**

Selain daripada masalah sikap (tidak minat), pelajar-pelajar juga menghadapi masalah lain tentang penggunaan kamus ini. Dalam bab ini pengkaji membahagikan masalah itu kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah masalah kekurangan kamus. Bahagian kedua pula saya akan membincangkan permasalahan yang timbul berkaitan dengan cara menggunakan kamus.

### **2.5.1 Masalah Kekurangan Kamus**

Tetapi pada tanggapan pengkaji, masalah pokok ialah pelajar-pelajar tidak berminat untuk menggunakan kamus, terutama dalam kelas mata pelajaran B.M. Hal ini kerana beberapa faktor. Antaranya pelajar-pelajar tidak memiliki kamus ekabahasa B.M, guru-guru tidak mengajar cara menggunakan kamus dengan betul dan tidak mendesak pelajar supaya memiliki kamus. Ada juga

pelajar menganggap memiliki kamus ekabahasa B.M tidak penting kerana bahasa itu mudah. Dia boleh meneka sahaja setiap maksud perkataan yang sukar. Antara faktor lain ialah harga kamus yang mahal dan berat untuk dibawa. Masalah kekurangan kamus di pusat sumber juga dapat mengikis minat pelajar untuk menggunakan kamus .

Satu kajian dibuat oleh Mohd Noor Awang ke atas 35 orang guru B.M di daerah Besut, Terengganu pada tahun 1988. Dapatan daripada kajian itu menunjukkan bahawa masalah ‘pelajar tidak ada kamus’ merupakan masalah paling banyak dinyatakan oleh responden. Masalah kedua terbanyak ialah ‘harga kamus mahal’. Masalah ketiga ialah ‘kamus di perpustakaan tidak mencukupi’. Sementara masalah ‘menggunakan banyak masa’ merupakan masalah keempat terbanyak yang dinyatakan oleh responden. Masalah ‘pelajar tidak mahir menggunakan kamus’ dan ‘kamus sukar digunakan dalam pelajaran’ merupakan masalah kelima dan keenam (Mohd Noor Awang, 1988 : 81).

Tetapi bagi pelajar bahasa kedua (B2) di peringkat sekolah menengah, kamus yang tebal dan lengkap tidak diperlukan. Menurut Robert Lado, 850 kata dasar dalam bahasa Inggeris mungkin cukup untuk bertutur. Tetapi ianya tidak cukup untuk mendengar dan membaca. Senarai 2,000 perkataan dalam **A General**

**Service List of English Words** merupakan lebih lengkap untuk bertutur dan menulis dengan terhad. Tetapi ianya masih belum lengkap untuk mendegar dan membaca ( Lado, 1980: 155).

Oleh itu saya mencadangkan agar pelajar-pelajar membawa kamus yang sesuai dengan tahap pembelajaran bahasanya. Bagi pelajar-pelajar B1 di peringkat sekolah menengah, kamus yang sederhana besarnya (kamus pelajar) sudah memadai. Bagi pelajar-pelajar B2 pula, saya bersetuju dengan nasihat Abdullah Hassan. Menurut Abdullah Hassan, 5,000 kata sudah agak cukup bagi seorang pelajar sekolah menengah (Abdullah Hassan, 1987 : 134).

#### 2.5.2 Masalah Cara Menggunakan Kamus

Oleh kerana mereka kurang pengetahuan, pelajar-pelajar menghadapi pelbagai masalah semasa menggunakan kamus. Lebih malang lagi pelajar tidak gemar membaca panduan cara menggunakan kamus yang dikemukakan oleh setiap penyusun kamus. Panduan ini biasanya terdapat di bahagian awal sesebuah kamus. Kalau mereka membacanya pun, mereka tidak faham. Adalah menjadi tugas guru untuk memberi penerangan tentang cara menggunakan kamus dan lampiran-lampiran lain yang terdapat dalam kamus.

(a) Bentuk Polisemi dan Homonim

Pelajar juga menghadapi pelbagai masalah berkaitan dengan bahasa. Antaranya ialah kesesuaian penggunaan perkataan dalam konteks, terutama penggunaan bentuk polisemi dan homonimi dalam ayat. Konsep polisemi membawa pengertian sebagai bentuk bahasa yang mempunyai makna lebih daripada satu dan mempunyai perbezaan. Dalam kamus, bentuk polisemi diberi penyajian seperti berikut :

*Kadar* 1. Kebolehan / Keupayaan

2. Perbandingan
3. Lebih kurang
4. Bahagian
5. Sukatan

Manakala bentuk homonim pula mendukung satu atau lebih perkataan yang sama bentuk dari segi ejaan dan sebutan tetapi setiap satu perkataan tersebut mempunyai makna yang jauh berbeza antara satu sama lain. Kata yang berhomonim ini dikaitkan juga dengan bentuk homograf dan homofon.

Contoh bentuk homograf ialah:

*perang* perkelahian besar antara negara dan kumpulan  
*perang* warna merah kehitam-hitaman.

(Amdun Husain et. Al., 1992 : 507)

Contoh bentuk homofon pula ialah:

*Masa I* 1. Waktu; 2. Jangka waktu yang agak lama.

*Masa II* = masakan mana boleh, tidak akanlah, tidak  
mungkin.

*Massa IB* 1. Sekelompok benda yang banyak jumlahnya;  
2. Jumlah yang terlalu banyak.

(Teuku Iskandar, 1970 : 717)

Bentuk polisemi dan homonimi dalam kamus ekabahasa Melayu mempunyai bentuk penyajian yang berbeza (Ibrahim Ahmad, 1991 : 12).

(b) Bentuk Infleksi dan Derivasi

Pengguna kamus juga terkeliru dengan perubahan kata dalam sintaksis (morphologi infleksi). Ibrahim Ahmad sekali lagi cuba menghuraikan tentang unsur infleksi ini. Menurut beliau, infleksi merupakan perubahan bentuk-bentuk leksem yang menunjukkan berbagai-bagai hubungan gramatikal. Unsur

infleksi menerbitkan kata daripada sesuatu leksem secara berparadigmatik.

Contohnya:

Edit..... editor..... editors  
(leksem) (derivasi) (kata) (infleksi)

Manakala derivasi merupakan proses pengimbuhan afiks atau imbuhan yang tidak bersifat infleksi pada bentuk leksem atau membentuk kata. Dalam kamus ekabahasa Melayu, pemakaian bentuk infleksi tidak digunakan secara meluas. Yang agak jelas dalam perkamus Melayu, bentuk derivasi diperlakukan sebagai unsur yang penting dalam pembinaan kata masukan atau tema dalam kamus yang boleh berfungsi sebagai subtema atau kata masukan yang terdiri daripada kata dasar, kata majmuk dan kata ganda (Ibrahim Ahmad, 1992: 12).

(c) Aspek Etimologi

Aspek etimologi juga penting. Masyarakat penutur bahasa Melayu belum memiliki kamus etimologi. Bahasa Inggeris juga menghadapi masalah ini, walaupun banyak kamus etimologi berbahasa Inggeris di pasaran. Menurut Wong (1992 : 53), terdapat banyak kata yang kita gunakan sekarang dianggap

kata Inggeris sebenarnya berasal daripada bahasa-bahasa lain di dunia. Antara contohnya, seperti berikut:

<u>Kata B.I</u>	<u>Sumber Asal</u>
Nostalgia	nostos (bahasa Yunani)
Billiards	billard (bahasa Perancis)
Son	sanu (bahasa Aryan)
So-long	salam (bahasa Arab)

(d) Aspek-aspek Lain Dalam Bidang Perkamusan

Aspek-aspek lain yang dibincangkan dalam bidang leksikografi ialah proses pembentukan kata, simpulan bahasa, kolokasi, sinonim dan antonim (Baskaran, 1989 : 196). Aspek idiom dan penggunaan kata-kata slanga juga dibincangkan dalam bidang perkamusan. Daripada banyak aspek ini, mungkin aspek pembentukan kata, simpulan bahasa, idiom dan kata-kata slanga menimbulkan masalah kepada pengguna kamus. Mungkin banyak daripada aspek-aspek itu tidak dibincangkan dalam sesebuah kamus.

Walau bagaimanapun kita mesti mengakui hakikat bahawa masyarakat kita tidak mempunyai kamus yang lengkap. **Kamus Besar Utusan** dan **Kamus**

**Dewan** pun ada kelebihannya. Menurut Asraf (1995: 197), masalah penting yang perlu diselesaikan dalam **Kamus Dewan** termasuklah masalah:

- (a) ejaan
- (b) pemilihan kata
- (c) kelas kata
- (d) morfologi
- (e) sintaksis
- (f) pemerian makna
- (g) tanda lafal.

( e ) Masalah-masalah Lain Yang Dihadapi Oleh Pengguna Kamus

Pelajar-pelajar B2 pula menghadapi masalah yang berbeza semasa menggunakan kamus. Dalam kajian B. Laufer dan M. Kimmel (1997: 368) didapati sesetengah orang suka lihat maksud dan terjemahan dalam B1. Sesetengah orang lihat penerangan dalam B2. Yang lain pula lihat kedua-duanya. Ini berdasarkan kajian ke atas 70 pelajar bahasa asing dari sekolah menengah, sekolah rendah dan pelajar universiti. Tetapi majoriti pengguna kamus memilih kamus dwibahasa (Laufer dan Kimmel, 1997: 369).

Perbezaan makna mengikut kebudayaan merupakan masalah besar dalam mempelajari B2. Orang Eskimo mempunyai banyak perkataan untuk salji. Perkataan-perkataan itu mengungkapkan perbezaan yang tidak pernah dilihat oleh penutur bahasa Inggeris. Oleh itu sebuah kamus yang lengkap mengandungi perkataan, frasa, termasuk peribahasa, nama-nama wira, cerita-cerita dan dongeng, peristiwa agung, kepercayaan dan lain-lain yang akan menjadi petunjuk yang baik bagi sesuatu kebudayaan (R. Lado, 1980: 32).

Oleh itu tidak hairan jika penyusun kamus **The American Heritage Dictionary** menghuraikan sejarah dan asal-usul bahasa Inggeris di bahagian Kata Pengantar kamusnya (Morris ed., 1980: xiv-xxi). Perkara yang sama dilakukan oleh penyusun kamus **Macmillan Dictionary for Children**. Malah cerita dongeng tentang asal-usul bahasa Inggeris diselitkan dalam kamus ini, dengan bahasa yang boleh difahami oleh kanak-kanak (W.D. Halsey dan C.G. Morris, 1981: ii-xxiv). Hal ini semua perlu diambil perhatian oleh penyusun kamus untuk pelajar-pelajar B2.

2.5.3        Usaha-usaha Untuk Menarik Minat Pelajar Menggunakan Kamus

Untuk menarik minat pelajar menggunakan kamus, teka silangkata dapat dijadikan bahan dalam pengajaran dan pembelajaran B.M. Teka silangkata dapat dijadikan bahan yang menarik dan berkesan untuk menguji perbendaharaan kata dan ejaan pelajar-pelajar. Teka silangkata boleh diperolehi dalam akhbar dan majalah ( Abd. Ghafar Md. Din, 1991 : 16).

Salah satu cara untuk mengatasi masalah kamus yang tebal dan berat ialah dengan menggunakan kamus elektronik. Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Razak pernah mengesahkan supaya sekolah-sekolah membeli **Kamus Komputer Telapak Besta DBP – 1** (Zulkifli Jalil, 1998 : 5).

Diharapkan semakin banyak kamus elektronik dalam bentuk komputer telapak, cd-rom dan “*on-line*” diterbitkan. Adalah diharapkan juga kamus elektronik semakin meluas digunakan pada masa hadapan, terutama di sekolah-sekolah bestari.

Sekali lagi, berdasarkan kajian di daerah Besut, Terengganu pada 10 tahun yang lalu, didapati kebanyakan guru B.M menggunakan kamus antara 1 hingga 3 kali sahaja dalam sebulan. Malah 30% daripada keseluruhan guru yang ditinjau menyatakan mereka tidak pernah menggunakan kamus sebagai bahan pengajaran bahasa. Dalam pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran, mereka lebih kerap menggunakan bahan lain seperti buku teks, buku ulangkaji dan buku kerja (Mohd Noor Awang, 1988 : 84-85).

Dari segi pemilikan kamus, majoriti guru memiliki kamus, terutama guru bahasa. Hal ini kerana, golongan guru adalah penjawat awam yang paling gemar membeli kamus. Mengikut kajian oleh Abdul Razak Sulaiman dan rakan-rakannya, sejumlah 37% daripada 1202 responden membeli kamus dwibahasa. Pensyarah, guru dan ahli politik menunjukkan peratus yang tinggi. Golongan pegawai perubatan, peguam, akauntan, jurutera dan kerani menunjukkan peratusan membeli kamus dwibahasa yang rendah (Abdul Razak Sulaiman et. al., 1988 : 244).

Persoalan memiliki kamus adalah berlainan daripada persoalan menggunakan kamus. Antara faktor guru kurang menggunakan kamus ialah kerana

kebanyakannya kamus yang terdapat di pasaran tidak lengkap. Kebanyakannya kamus sekadar menerangkan maksud kata. Maklumat yang dicari oleh guru tidak ditemui.

Mengikut Dale dan rakan-rakannya, kamus yang baik mengandungi keterangan sejarah, kesusastraan dan sebagai bahan rujukan bidang ilmu yang lain. Kamus itu mesti menerangkan maksud frasa yang biasa digunakan oleh masyarakat; idiom, klise, metafora dan bentuk homonim (Dale et. al., 1981 : 85).

Adalah dicadangkan, penyusun kamus mestilah membuat rujukan yang banyak untuk menghasilkan kamus yang lengkap. Mengikut Amdun Husain, untuk menyusun sebuah kamus pelajar pun, kata-kata masukan terpaksa dikutip daripada buku teks, majalah, suratkhabar dan buku bacaan umum (Amdun Husain, 1992 : ix).

Berbincang tentang jenis kamus pula, majoriti guru bahasa menggunakan kamus ekabahasa. Dalam kajiannya, Ali Al-Kasimi dapati ramai guru enggan menggunakan kamus dwibahasa. Akibatnya, mereka memberitahu pelajar-pelajarnya supaya jangan menggunakan kamus dwibahasa kerana kamus jenis ini mempunyai nilai yang rendah. Mereka beranggapan kamus jenis ini

memberi maksud secara langsung, patah demi patah perkataan, antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran (Ali M. Al-Kasimi, 1977 : 103).

Persoalan tentang apakah perlu guru-guru mengajar murid cara menggunakan kamus, juga patut dibincangkan. Pengkaji berpendapat, pengetahuan tentang cara menggunakan kamus patut diajar oleh guru-guru kepada murid mereka, dari semasa ke semasa.

Atkins dan Varantola berpendapat, kemahiran menggunakan kamus mesti diajar kepada pelajar-pelajar. Guru-guru boleh meneruskan pengajaran kemahiran itu jika mereka benar-benar tahu apa yang dilakukan oleh pelajar-pelajarnya terhadap kamus yang mereka miliki ( Atkins dan Varantola, 1997 : 36).

Untuk mengajar kemahiran tersebut, guru-guru mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang cara menggunakan kamus. Guru-guru perlu memperbaharui dan mendalami ilmunya dari semasa ke semasa. Jabatan Pendidikan dan institusi-institusi yang berkaitan patut mengadakan kursus berkaitan perkamusian, dari semasa ke semasa.

Penerbit-penerbit kamus juga patut mengadakan seminar kepada guru-guru bahasa setiap kali kamus baru diterbitkan. Seminar yang dianjurkan oleh Cambridge University Press pada 1996 adalah contoh terbaik ( Kamalia Abdullah, 1996 : 7). Seminar begini semakin diperlukan apabila kamus itu diterbitkan dalam bentuk komputer telapak, CD- Rom atau “*on-line*”.

## **2.7           Kesimpulan**

Kamus yang baik adalah kamus yang lengkap. Kamus yang lengkap biasanya terdiri daripada kamus umum yang tebal dan mahal harganya. Sulaiman Masri melihat dari segi kriteria luaran dan kriteria dalaman sesebuah kamus, sebelum ‘diiktiraf’ sebagai sebuah kamus yang baik. Dalam kertas kerjanya, beliau menfokuskan perbincangannya kepada kamus B.M. Menurut beliau, kriteria luaran adalah penampilan kamus yang merangkumi kulit yang menerakan judul kamus, warna latar dan warna rupa huruf, nama penyusun atau nama editor, nama penerbit, tahun terbit, jenis kertas, jenis jilid dan harga. Kriteria dalaman pula adalah falsafah penyusunan kamus itu, iaitu pemerian tentang *apa* dan untuk *siapa* kamus itu diterbitkan, diikuti dengan cara atau petunjuk menggunakan kamus, dan penggarapan entri yang merupakan perkara utama kejayaan atau ‘kebaikan’ sesebuah kamus itu. Dalam penggarapan entri ini, sesebuah kamus B.M yang dianggap baik seharusnya berjaya memperlihatkan

keakraban hubungan antar aspek-aspek makna, imbuhan dan sintaksis, yang sekali gus menampilkan kesan ketatabahasaan setiap wacana yang dipaparkan. Latar belakang penyusun dan penyunting kamus juga turut mempengaruhi kewujudan sesebuah kamus B.M yang baik (Sulaiman Masri, 1994 : 2).

Kamus umum bahasa Melayu mungkin sesuai untuk pelajar B1 di sekolah menengah. Tetapi kamus umum B2 tidak sesuai untuk pelajar B2 di peringkat sekolah menengah. Pelajar-pelajar B2 di peringkat ini memerlukan kamus dwibahasa yang sederhana tebalnya, sesuai dengan tahap pencapaian bahasa mereka.

Pelajar B1 sudah pastinya menggunakan kamus ekabahasa B1. Dalam hal ini, mereka menggunakan kamus ekabahasa bahasa Melayu. Pelajar B2 pula lebih minat menggunakan kamus dwibahasa. Dalam hal ini mereka menggunakan kamus dwibahasa Inggeris-Melayu.

Oleh kerana proses pembelajaran B1 di peringkat sekolah menengah lebih tertumpu kepada pengukuhan bahasa dan meningkatkan ilmu pengetahuan, maka pelajar-pelajar kurang menggunakan kamus. Tetapi proses pembelajaran B2 lebih menekankan kemahiran berkomunikasi. Oleh itu penambahan kosa

kata penting untuk menjadikan mereka penutur yang baik. Justeru penggunaan kamus lebih penting dalam kelas B2, yakni kelas bahasa Inggeris.

Kesimpulannya, pelajar-pelajar sekolah menengah, terutama pelajar B2, memerlukan kamus pelajar yang sesuai dengan tahap pencapaian bahasa mereka. Pelajar dan guru B1 pula kurang menggunakan kamus. Pelajar B2 lebih kerap menggunakan kamus jika dibandingkan dengan pelajar B1.

Walau apa pun yang berlaku, kamus tetap memainkan peranan penting dalam sejarah perkembangan sesuatu bahasa di dunia. Tamaddun sesuatu bangsa dapat diukur tidak sahaja dari segi kemajuan lahiriahnya tetapi juga dari segi kemajuan bahasanya. Kemajuan bahasa pula dapat diukur dari segi keupayaannya mengungkapkan pelbagai ilmu yang canggih di samping mempunyai sistem tulisan, ejaan dan istilah yang mantap. Ilmu perkamusuan pun dapat dijadikan kayu ukur tentang kemajuan sesuatu bahasa ( Asiah Idris , 1995 : 10 ).

Usaha-usaha patut dilakukan untuk memajukan bidang perkamusuan Melayu. Gagasan untuk menerbitkan sebuah Kamus Global Bahasa Melayu adalah satu gagasan yang baik. Kamus yang akan dihasilkan ini harus mengandungi kosa kata yang diambil daripada lebih 200 bahasa etnik yang bertaburan di

Nusantara, dicampur dengan beribu-ribu kata pinjaman ( Hj. Zainal Abidin Safarwan, 1994 : 22).

Segala usaha patut dilakukan untuk memajukan bidang ini. Kalau perlu banduan-banduan tidak perlu dihantar ke penjara, tetapi didera dengan menyuruh mereka menyusun kamus ( Asmah Hj. Omar, 1987 : 19).

Semua pihak seperti DBP, MABBIM, universiti-universiti dan pakar-pakar dalam semua bidang ilmu hendaklah mengembeling tenaga untuk memajukan perkamusahan Melayu. Masyarakat penutur bahasa Melayu pula hendaklah memberi sokongan kepada perkembangan bidang ini. Semoga bahasa Melayu terus berkembang, bukannya semakin lemah kemudian terpinggir begitu sahaja, seperti pupusnya bahasa Sanskrit dan bahasa Latin dari muka bumi ini.